Dearest Rohana,

This book is specially for you.

Warmest regards
LS Yan
21/1/92

AH

# IMEJ WANITA

# DALAM HER WORLD DAN WANITA:

# SATU ANALISIS KANDUNGAN PERBANDINGAN


LAI SUAT YAN



RANCANGAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1990/91

KHAS UNTUK

YEAP DAY NGO

WALAUPUN KITA BERJAUHAN

NAMUN GALAKANMU

MENJADIKAN LATIHAN ILMIAH INI

SATU REALITI BUATKU.

DENGAN INGATAN MESRA

YAN

KATA PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan rasa terima kasih saya, terutamanya, kepada kedua-dua penyelia saya, Pn Khor Yoke Lim dan Dr Mustafa Kamal Anuar, kerana telah meluangkan masa untuk memberikan panduan kepada saya. Tanpa panduan mereka, latihan ilmiah ini akan tinggal anganan sahaja. Fleksibiliti mereka dan Pn Hamidah membenarkan penangguhan tarikh ajal latihan ilmiah ini juga sangat saya hargai.

Rasa terima kasih juga ingin saya tujukan kepada rakan-rakan saya, Rohana dan Beng Lan, yang telah meminjamkan buku-buku serta memberikan sokongan moral kepada saya. Rosalind, rakan di PKAP, tidak ketinggalan memberikan kata perangsangnya.

Pertolongan yang diberikan oleh rakan-rakan tidak akan dapat saya lupakan. Kepada "Mighty Toh", terima kasih atas pertolongan yang diberikan pada saat-saat saya paling memerlukannya. Khidmatnya dalam menaip, "proof-read" dan mencetak sangat saya hargai. Junior lain yang menolong ialah Jin Aun dan Wai Mun yang telah meminjamkan nota dan bacaan berkenaan ideologi dan hegemoni manakala Siew Eng pula sedang menaip untuk saya. Bertuah betul saya mempunyai junior seperti mereka!

Tanda penghargaan juga ingin saya rakamkan kepada Siew Hoong yang menyelesaikan teka-teki komputer dan melukiskan rajah dalam latihan ilmiah ini untuk saya.

PTO

Akhir sekali, ingin saya lunjurkan rasa terima kasih dan lahirkan rasa "marah"(!) saya kepada Zaharom. Rasa terima kasih kerana dalam caranya yang tersendiri dia telah menolong saya, rasa marah pula kerana taktik "terrorist"nya membuatkan saya lebih tension untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

KANDUNGAN

MS


BAB 1 -- PENGENALAN DAN RASIONAL KAJIAN .................. 1-7

1.1 -- PENGENALAN .................................................. 1

1.2 -- RASIONAL KAJIAN .............................................. 3

1.3 -- MATLAMAT KAJIAN .............................................. 5

BAB 2 -- TEORI YANG MEMPENGARUHI KAJIAN .................. 8-24

2.1 -- PENGENALAN .................................................. 8

2.2 -- RANGKA TEORETIKAL FEMINIS .................................. 9

2.2.1 -- FAKTOR BUDAYA ............................................ 9

2.2.2 -- FAKTOR PEMBANGUNAN DALAM SISTEM EKONOMI KAPITALIS DAN SALING TINDAKBALASNYA DENGAN SISTEM PATRIAKI .................................... 15

2.2.3 -- KONTEKS OPERASI MEDIA MASSA (MAJALAH <u>WANITA</u>) YANG MEMENTINGKAN KEUNTUNGAN .................... 18

2.3 -- KONSEPSI IDEOLOGI DAN HEGEMONI GRAMSCI .......... 19

2.4 -- PERANAN MEDIA MASSA ...................................... 23

BAB 3 -- RESENSI BACAAN .......................................... 25-50

3.1 -- PENGENALAN .................................................. 25

3.2 -- PERGERAKAN FEMINIS BARAT .............................. 25

3.2.1 -- FEMINIS LIBERAL DAN FEMINIS RADIKAL ............. 26

3.2.2 -- FEMINIS SOSIALIS ........ 28

3.3 -- PERJUANGAN FEMINIS DI MALAYSIA ........ 30

3.4 -- KAJIAN TERHADAP MEDIA DAN WANITA DI BARAT ........ 32

3.4.1 -- KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN ........ 32

3.4.2 -- KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN MAJALAH ........ 37

3.4.3 -- KAJIAN INSTITUSI ........ 37

3.4.4 -- RANGKA KAJIAN ........ 39

3.5 -- KAJIAN WANITA DAN MEDIA DI MALAYSIA ........ 40

3.6 -- INDUSTRI MAJALAH WANITA TEMPATAN DI MALAYSIA ........ 43

3.7 -- LATAR BELAKANG MAJALAH <u>WANITA</u> DAN <u>HER WORLD</u> ........ 47

3.7.1 -- ISI KANDUNGAN MAJALAH <u>WANITA</u> DAN <u>HER WORLD</u> ........ 47

3.7.2 -- PEMILIKAN KEDUA-DUA MAJALAH ........ 49

BAB 4 -- METODOLOGI ........ 51-64

4.1 -- PENGENALAN ........ 51

4.1.1 -- ANALISIS KANDUNGAN KUANTITATIF ........ 52

4.1.2 -- KONSEPTUALISASI ........ 52

4.2 -- ANALISIS KANDUNGAN KUALITATIF ........ 57

4.2.1 -- KONSEPTUALISASI ........ 58

4.2.2 -- SEBAB KAEDAH ANALISIS KANDUNGAN KUANTITATIF DAN KUALITATIF DIGUNAKAN ........ 61

4.3 -- TEMUBUAL ........ 62

BAB 5 -- PENEMUAN DAN PENGANALISAAN DATA ............. 65-103

-- HIPOTESIS 1 ........................................ 65

-- HIPOTESIS 2 ........................................ 83

-- HIPOTESIS 3 ........................................ 89

-- HIPOTESIS 4 ........................................ 94

-- HIPOTESIS 5 ........................................ 97

BAB 6 -- KESIMPULAN ................................. 103-112

6.1 -- IMEJ WANITA DI <u>WANITA</u> ............................ 103

6.1.1 -- IMEJ WANITA DI <u>HER WORLD</u> ....................... 104

6.2 -- KAWALAN TERHADAP PEMAPARAN LMEJ WANITA

DI MEDIA DAN SEBAB KEGAGALANNYA ................ 106

6.3 -- HARAPAN, CABARAN KEPADA PERUBAHAN

DAN SARANAN UNTUK MENGATASINYA ................. 108

HAD KAJIAN ........................................... 113

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

## Bab 1 : Pengenalan Dan Rasional Kajian

### 1.1 : Pengenalan

Sekali imbas, kelihatan wanita telah mencatat banyak kemajuan dalam masyarakat. Antara lain, wanita kini berpeluang mendapat pendidikan seperti rakan lelaki mereka. Jika kita melihat sekeliling, sudah terdapat pengurus, doktor dan pensyarah wanita; apatah lagi menteri, contohnya Datuk Seri Paduka Rafidah Aziz selaku Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Akan tetapi, jika kita mengkaji lebih jauh lagi, didapati bahawa :

a) Pola pasaran buruh masih berdasarkan pembahagian jantina yang menegak dan mendatar. Dalam pola pembahagian jantina yang menegak, contohnya dalam bidang profesional; wanita memonopoli bidang jururawat (100%), pustakawan (75.39%), guru sekolah tadika, rendah dan menengah (54.4%) dan tidak sampai 30% untuk pekerjaan seperti doktor, peguam, pensyarah, pekerja sosial serta wartawan bagi tahun 1985 (Wazir, 1989 : 33). Contoh pembahagian jantina mendatar untuk pasaran buruh pula adalah seperti dalam institusi media massa sendiri (rujuk m.s. 44).

b) Dalam Kesatuan Sekerja walaupun keahlian pada tahun 1986 adalah 27.1%, kadar penglibatan wanita berdasarkan pegawai yang dipilih adalah 5.2% (Rohana dan Lochhead, 1988 : 22).